

CDC Northwest lancar program mesra tandas di tajaka PCF

Usaha pupuk sikap guna kemudahan dengan baik sejak dari kanak-kanak

Oleh KHALID KHAMIS
khalidk@sph.com.sg

MELENTUR buluh daripada rebungunya.

Itulah tujuan utama program Mesra Tandas @ Northwest yang dilancarkan semalam di tajaka dan tadika Yayasan Masyarakat PAP (PCF) Sembawang bagi memupuk sikap menggunakan tandas dengan baik.

Program pendidikan yang ditumpukan kepada tadika dan tajaka atau diberi nama *Htsep* itu adalah yang pertama dilancarkan di sini.

Majlis tersebut dilancarkan Menteri Kesihatan yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Sembawang, Encik Khaw Boon Wan.

Htsep adalah projek anjuran Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) Northwest dan Persatuan Tandas Singapura (RAS).

Ketika ditemui selepas majlis pelancaran, Mayor CDC Northwest, Dr Teo Ho Pin, berharap usaha itu dapat memupuk sikap menggunakan tandas yang baik di kalangan masyarakat Singapura.

"Ini merupakan usaha berterusan dan kami berharap dengan cara ini anak-anak akan diajar daripada kecil si-



FOTO: ZAobao

PUKUP SIKAP BAIK DI TANDAS: Dr Teo (kiri) dan Encik Khaw (di sebelahnya) menggunakan tandas dalam salah sebuah bilik darjah PCF yang dihias dan dijaga rapi.

kap tandas yang baik demi menghasilkan masyarakat Singapura yang lebih baik," tambah beliau.

Dr Teo turut mengumumkan bahawa program itu akan dilancarkan di kesemua 55 pusat PCF di CDC Northwest sebelum Mac tahun depan.

Dianggarkan program tersebut akan memberi manfaat kepada sekitar 1,500 kanak-kanak.

Bagi melaksanakan program itu, guru-guru menjalani latihan sebelum menerapkan pendidikan penggunaan tandas yang baik kepada kanak-kanak.